

17/04/1998

Kerusi PBB: Uganda sokong Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia hari ini mendapat sokongan Uganda bagi menduduki kerusi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sokongan itu dinyatakan Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat delegasi antara dua kerajaan di pejabat Perdana Menteri, di sini.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Uganda juga berminat memperluaskan perdagangannya dengan Malaysia terutama dalam sektor penghasilan barangan tempatan.

"Uganda juga mempelawa pelaburan dalam sektor perladangan, perlombongan, pelancongan dan aspek pembangunan tenaga manusia," katanya di sini, hari ini.

Abdullah berkata, Perdana Menteri juga berjanji menghantar rombongan perdagangan ke Uganda secepat mungkin bagi meneroka peluang pelaburan di negara itu.

(END)